

**LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG****KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang **berdaftar** dengan **Sijil Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Pulau Pinang di daerah SPU** dalam kod bidang seperti dinyatakan di bawah yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :

<b>NO. SEBUTHARGA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KOD BIDANG</b>	<b>TEMPOH PEMBUKAAN SEBUTHARGA</b>	<b>TARIKH TUTUP</b>
LPNPP/33/2021	Kerja-kerja Menaiktaraf Kaunter Pejabat Rancangan Perumahan Taman Tun Dr Awang Serta Kerja-kerja Berkaitan, Butterworth, SPU	G1, Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21	8 Julai 2021 hingga 22 Julai 2021	8 Julai 2021 12.00 Tengah Hari

- Syarikat adalah tidak diwajibkan menghadiri taklimat atau lawatan tapak. Sekiranya kontraktor hendak melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan fizikal serta penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah **WAJIB** diamalkan serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa.
- Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) <https://erumah.penang.gov.my/> bermula pada 15 Julai 2021 (Khamis).
- Cadangan Tawaran yang lengkap berserta maklumat pengalaman dan sesalinan dokumen seperti senarai semak hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebut Harga di sebelah kiri atas sampul surat. Cadangan Tawaran tersebut perlu dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Kaunter Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 3 KOMTAR sebelum jam 12.00 Tengahari pada 22 Julai 2021 (Khamis)** atau dihantar melalui pos berdaftar/kurier.
- Jika tender/sebutharga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat **Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Paras 20, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10503 Pulau Pinang** sebelum atau pada **22 Julai 2021 (Khamis)** selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) juga berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
- Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan

Pengurus Besar  
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang